

11 OCT 1997

Sabbaruddin-zakat

PEMBERIAN ZAKAT SEBAGAI POLITIK WANG DALAM UMNO MASIH BERLELUASA

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Setiausaha Agung UMNO Datuk Sabbaruddin Chik hari ini berkata bahawa masih ada anggota UMNO yang mengamalkan politik wang dengan menggunakan istilah "zakat" yang diberikan kepada ketua bahagian untuk tujuan tertentu.

Katanya masalah ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO Khamis lepas untuk tindakan selanjutnya.

"Walaupun pemimpin parti mahu menghapuskan amalan politik wang, namun masih ada ahli mengamalkannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus pentadbiran dan pengurusan UMNO Bahagian Gombak di sini.

Katanya antara beberapa langkah yang boleh mengatasi masalah politik wang termasuk memendekkan tempoh mesyuarat bahagian dan perhimpunan agung parti selain melarang cawangan dan bahagian mengutip derma.

Mengenai kursus pentadbiran dan pengurusan UMNO, beliau menyarankan agar semua bahagian mengadakannya bagi menyusun pentadbiran masing-masing selain memberi pendedahan kepada ahli jawatankuasa memperoleh maklumat terkini mengenai isu semasa negara seperti masalah ekonomi.

Sabbaruddin tidak menafikan walupun sesetengah pemimpin sudah lama memimpin cawangan tidak semestinya mereka tahu semua perkara mengenai pentadbiran dan pengurusan cawangan.

Beliau juga berkata pembayaran yuran tahunan anggota amat penting kerana yang gagal berbuat demikian akan kehilangan hak untuk mengundi.

Mengenai sokongan padu MT kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah ekonomi negara, katanya, semua 2.7 juta ahli seharusnya mempunyai keyakinan terhadap usaha Perdana Menteri.

--BERNAMA

ARA MAI